



## **KENYATAAN MEDIA**

### **JKM BERTINDAK SEGERA: PERMOHONAN BANTUAN PENJAGAAN PESAKIT TERLANTAR**

Susulan video yang tular di media sosial pada 22 Februari 2022 berkaitan seorang pengadu yang tidak menerima maklum balas mengenai permohonan bantuan yang dikemukakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Merujuk kepada rekod penerima bantuan JKM, pengadu pernah menerima bantuan di bawah Skim Bantuan Penjagaan Pesakit Terlantar sebanyak RM300.00 sebulan mulai April 2017 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL) namun bantuan ditamatkan kerana pengadu tidak ditemui semasa proses kaji semula kes oleh JKM. Proses kaji semula dilaksanakan kepada semua penerima bantuan dalam tempoh 12 bulan selepas menerima bantuan bagi tujuan menilai semula kelayakan penerima.

Hasil daripada siasatan segera pada 23 Februari 2022, pengadu kini menetap di Teluk Intan, Perak dan berpendapatan terhad serta menanggung kos penjagaan ibunya berusia 75 tahun yang lumpuh dan terlantar. Pengadu telah diberi kelulusan serta merta di bawah skim Tabung Bantuan Segera sebanyak RM 300.00 sekaligus. Pengadu akan diluluskan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar sebanyak RM 500.00 sebulan mulai Mac 2022.

JKM amat menghargai pengorbanan pengadu dalam memberi jagaan sepenuh masa kepada ahli keluarga beliau yang merupakan OKU Telantar / Pesakit Kronik Terlantar. Tanggungjawab murni seumpama ini harus dicontohi oleh Ahli Keluarga Malaysia ke arah kefungisian dan kesejahteraan sosial.

JKM juga sentiasa mengalu-alukan sebarang rujukan dan pertanyaan mengenai permohonan bantuan ke Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam atau menghubungi PKMD yang berhampiran.

**###**

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
24 FEBRUARI 2022**